

Iman

Siti Radziah Mustafa

Farhan mengeluh panjang. *Screen saver* yang terpapar di depan matanya itu masih menunjukkan wajah-wajah ceria keluarganya ketika mereka bertiga melancong di Korea. Panggilan yang ditunggu dari tadi masih dinanti-nanti.

“Sudahlah Farhan. Iman kau memang lemah! Macam mana tidak lemah jika engkau sendiri juga lemah,” kata-kata cercaan dilempar kepada Farhan yang hanya mampu merenung wajah penutur kata-kata pedih itu.

“Pantang larang nenek moyang aku tidak membenarkan anak ketiga keturunan aku berkahwin dengan lelaki anak sulung. Engkau sudah langgar dan inilah akibatnya!” Perkara ini telah Farhan dengar awal dahulu sebelum dia mengahwini Siti Khadijah.

Kejadian yang baru dua puluh minit berlalu itu membuat Farhan tidak senang duduk. Kata-kata itu berulang dalam fikirannya. Kopiah putih yang menutupi kepalanya ditanggalkan, kemudian dipakai semula. Ditanggalkan lagi, lalu dipakai semula. Farhan gelisah dan ditambah dengan kebimbangan. Perasaannya ketika berada di ruang menunggu itu sukar ditentukan. Kopiah itu ditanggalkannya lagi, tetapi kali ini dilipat empat dan disisip ke dalam saku kemejanya.

“Iman tidak kuat? Siapa kata tidak kuat? Iman aku kuat! Lebih kuat daripada semangat Farhan sendiri. Qada’ dan qadar tidak boleh dipersoalkan!” perbalahan masih berulang dalam benak Farhan.

“Aku dah cakap duhulu sebelum kau berkahwin dengan anak aku. Sekarang ini tengok apa sudah jadi!” bagaikan satu tikaman yang tidak sempat dielak. Bertubi-tubi Farhan menerima tujahan sebegini daripada Hajah Maimun, ibu mertuanya. Sebagai seorang saudara baharu, dia sama sekali tidak menyangka bahawa perkara ini akan dilakukan oleh orang yang paling dia hormati, yang telah menyerahkan tanggungjawab menjaga anaknya kepada dirinya. Semua berubah apabila Imanya didiagnosis mempunyai penyakit keturunan yang sama sepertinya.

“Segala larangan keturunan aku tidak pernah aku langgar. Tetapi untuk Siti Khadijah, aku terpaksa ikutkan. Iman kau lemah kerana kau, Farhan,” kata-kata Hajah Maimun seolah-olah seperti seorang ibu tiri yang kejam bermain-main dalam fikiran Farhan. Farhan menggenggam penumbuknya. Sandar kerusi bangku menjadi mangsanya.

Seorang wanita berkulit kuning langsung yang duduk di sebelah Farhan perlahan-lahan bangun menjauhan diri daripada Farhan. Dia berdiri di sebelah mesin layan diri bersebelahan pintu keluar ruang menunggu hospital itu. Wanita itu rasa kurang selesa dengan gerak-geri Farhan yang agak meragukan itu. Sesekali, wanita itu mengerling ke arah Farhan. Farhan tidak perasan itu semua.

“Iman aku tidak lemah. Iman aku kuat. Iman aku lebih kuat daripada kau. Lebih kuat daripada aku sendiri. Kau yang lemah. Iman aku tidak lemah!” Farhan mengetap giginya. Mungkin terdengar oleh wanita tadi.

Farhan yakin dia mampu seperti orang lain. Meskipun dia merupakan saudara baharu, dia mampu membuktikan bahawa kekuatan imannya akan beransur teguh. Imannya akan bertambah kuat walaupun dia masih lagi dianggap merangkak-rangkak dalam dunia baharunya. Dunia yang dia sendiri pilih dan mahu menghadapi segala rintangan yang bakal menghalang perjalanannya. Namun, dia sudah pastinya perlukan sokongan. Sokongan daripada semua. Tetapi, pagi ini dia terasa amat marah sekali. Hatinya terasa amat panas. Segala urat sarafnya seperti menegang dan mengerahkan kemarahannya agar meletup pada bila-bila waktu sahaja. Digenggam penumbuknya semakin mengecil, dan tulang-tulang jari Farhan kelihatan semakin timbul.

“Kau tengok apa yang jadi telah kepada anak kau? Itu menunjukkan yang engkau ini tidak mendapat keberkatan Tuhan! Kau tengok, di dunia ini sudah dapat balasan. Apa lagi di akhirat!” kenyataan ini masih terngiang-ngiang di telinga Farhan meskipun penuturnya sudah lama berlalu pergi.

Farhan pasti kata-kata ibu mertuanya itu adalah seperti memulangkan paku buah keras kepadanya. Hajah Maimun menyindir mengenai janji-janji yang pernah dilafaz Farhan untuk menjaga anaknya dengan baik dan tidak akan membuat isterinya susah. Kini, mereka sering sahaja ke hospital untuk membawa anaknya menerima rawatan yang diperlukan. Siti Khadijah baru

sahaja berhenti kerja. Itu yang membuat Hajah Maimun tidak boleh betah duduk.

Farhan sendiri tidak mengerti apa sebenarnya pantang larang keturunan yang dimaksudkan ibu mertuanya itu. Kepercayaan yang kalut pada Farhan itu telah lama dilupakan setelah berkahwin dengan isterinya. Dia tidak pernah percaya akan kepercayaan yang tidak dapat dijelaskan dengan akal. Lebih-lebih lagi jika kepercayaan itu disandarkan atas amalan orang-orang terdahulu tanpa mengetahui dalil-dalilnya. Budaya bangsanya juga tidak melarang perkahwinan campur. Lebih-lebih lagi budayanya tiada sekatan langsung bagi anak pertama atau anak ketiga daripada keluarga yang berlainan untuk berkahwin. Meskipun Farhan berasal daripada suku kaum orang asli di pedalaman negeri Brunei, keluarganya tidak pernah melarang dia berkahwin dengan sesiapa sahaja jodohnya. Lain pula dengan ibu Siti Khadijah. Ibu mertua Farhan sering menjadikan isu anak ketiga berkahwin dengan lelaki anak pertama yang ditegah oleh budaya dan adat resam nenek moyangnya dahulu. Ini semua ialah tradisi lama yang mengongkong tetapi masih dipegang oleh sesetengah orang. Farhan akui bahawa ada baiknya hendak mengekalkan tradisi dan adat lama bagi mengekalkan jati diri. Namun, tradisi lama berasal dari zaman yang berbeza dan keadaan sosial yang berbeza. Kepercayaan dahulu itu tidak dapat disesuaikan dengan situasi sekarang. Sains dan teknologi sudah pun mengambil alih untuk memantau hal-hal yang bersangkutan dengan kesihatan manusia. Farhan percaya kepada pakar perubatan yang tahu mengenai keadaan kesihatan Iman.

Apa yang Farhan tidak mengerti adalah mengapa ibu mertuanya selalu mengungkitkan mengenai perkara itu. Mengapa ibu mertuanya amat membencinya sehingga apa sahaja yang dilakukan tidak akan dapat melembutkan hatinya yang keras itu. Farhan tidak pernah setuju bahawa penyakit yang ada padanya dan Iman itu berpunca daripada perkahwinan anak ketiga dengan lelaki anak sulung. Farhan telah lama memujuk dirinya agar berusaha melembutkan hati ibu mertuanya itu bak kata pepatah sekeras mana kerak bila disiram air akan lembut juga akhirnya. Tetapi lain pula jadinya apabila air yang disiram, api pula yang dilempar kepadanya. Farhan masih belum berputus asa.

“Aku hanya seorang kerani cabuk yang dah bertahun bekerja di sebuah syarikat perabot Cina. Bertahun kerja tapi langsung tidak menjanjikan apa-

apa peningkatan dalam kerja aku.” Farhan cuba meyakinkan diri bahawa itu bukan puncanya.

“Ada juga orang yang mengatakan wajah aku ni mirip Salman Khan, pelakon Hindustan terkenal itu. Cuma mata aku saja yang sepet dan hidung bawang. Sama seperti watak dalam komik Lat,” tersenyum kambing Farhan melihat bayang-bayangnya di tingkap.

“Adakah sebab aku terkenal? Jauh sekali. Kalau setakat bermain bola untuk Kelab Masyarakat Changkat Changi, yang selalunya duduk di bangku pemain simpanan kerana keadaan kesihatan aku. Tidak mungkin aku terkenal? Keadaan aku yang beta thalassaemic ini yang selalu menyekat aku daripada menunjukkan prestasi yang baik ketika beraksi di padang. Aku cepat penat. Aku cepat mengah. Kalau sakit, lama hendak pulih. Neneknya pun. Pak Busu pun. Mak Long pun. Tapi Mak Ngah dan Pak Lang tidak!” Farhan seperti seorang doktor yang melakukan kaji selidik penyakitnya itu. Dia sedar mutasi pada gen yang membuat sel darah merahnya menjadi kecil dan ini yang menjadi punca dirinya tidak sama seperti insan lain yang sihat. Namun begitu, keadaannya bukan batu penghalang untuknya aktif bersukan. Cuma satu sahaja yang dia tidak boleh lakukan. Dia tidak boleh berkahwin dengan orang yang ada mutasi gen sepertinya. Kalau mereka berkahwin juga, zuriat akan mendapat mutasi yang lebih dahsyat iaitu alpha thalassaemia. Penderita penyakit tersebut perlu menjalani prosedur transfusi darah pada setiap waktu. Ini akan mengambil masa, wang dan tenaga.

“Abang, saya positif. Doktor telah mengesahkan saya hamil,” Siti Khadijah membisikkan kepadanya ketika mereka sedang makan malam setahun yang lalu.

Suapan nasi putih dan ikan kering berulam petai yang pada awalnya laju, terhenti tiba-tiba. Tangan yang hampir menyuap segenggam suapan ke mulutnya terhenti. Senyuman pada wajah Siti Khadijah membuat dirinya terkedu.

“Betul? Aa...aa...betul Ayang sudah...aaa...aaa... begini?” teragap Farhan bertanya sambil tangan kirinya membuat gerak isyarat perut yang membesar. Siti Khadijah Binte Zahid, seorang isteri yang bakal bergelar ibu, mengangguk perlahan, wajahnya berseri gembira. Saat itu Farhan seolah-

olah hendak melonjak tinggi dan membuat satu gerakan *backflip* seperti seorang pemain bola yang baru menendang masuk gol kemenangannya.

Hari-hari yang seterusnya terasa begitu indah buat Farhan. Dia bekerja lebih keras lagi, walaupun setiap hari dia kepenatan apabila pulang. Keadaan thalassaemia yang ada padanya menambah kepenatannya. Isterinya pula semakin ayu, semakin cantik. Biasalah, kalau mengandung anak lelaki. Ibu akan kelihatan anggun dan cantik. Kata orang tua-tua, anak perempuan akan 'pinjam' kecantikan ibunya ketika dalam kandungan. Kalau anak lelaki, dia akan 'pinjamkan' seri kepada ibu. Keceriaan keluarga baharu ini amat dirasakan oleh kedua-dua belah keluarga yang menantikan kelahiran cucu sulung mereka.

Bagaikan menanti panas hingga ke petang, hujan turun di waktu tengah hari tanpa dijangkakan. "Abang, saya positif," Siti Khadijah seakan berbisik ketika mereka sedang makan malam di rumahnya tujuh bulan yang lalu. Suapan nasi goreng daging berulam timun yang pada awalnya laju, terhenti tiba-tiba. Kesedihan di wajah Siti Khadijah membuat dirinya terkedu sebentar.

"Betul? Aa...aa...betul Ayang juga beta thalassaemic?" tergagap Farhan bertanya sambil perlahan-lahan meletakkan semula nasi di dalam sudu itu ke pinggan. Farhan bangun dan terus memeluk Khadijah yang sudah tersedu-sedan. Perlahan dia memapah Khadijah yang tiba-tiba longlai itu ke kamar tidur. Didudukkan isterinya itu di katil lalu dikucup ubun-ubunnya dengan perlahan. Perut isterinya yang memboyot itu diusap berkali-kali. Tanpa disedari, air mata Farhan mengalir deras. Farhan cepat-cepat menyeka air matanya. Dia perlu kuat. Dia perlu tabah. Sangat tabah untuk isterinya dan anaknya. Dia harus menerima berita ini dengan tenang Farhan melihat keluar jendela dan terkenang akan saat-saat dia berterus terang kepada bakal isterinya. Dia beranian hati untuk menggalakkan Siti Khadijah mengambil ujian darah untuk memastikan dia juga bukan thalassaemic.

"Jadi, kalau saya thalassaemic, Awak hendak buat apa? Awak tidak mahu berkahwin dengan saya?" Soalan Kadijah itu memerangkapnya. Terhenti di situ. Farhan pasrah. Dia pasti ini adalah satu ujian baginya. Dia harus percaya kepada hukum qada' dan qadar. Walaupun dia tahu, anaknya tidak akan hidup melebihi usia 17 tahun, Farhan masih berharap dan berdoa, setiap hari, agar anaknya, Mohammad Qayuum Al-Iman, akan menjadi bukti cinta sejati antaranya dengan Siti Khadijah.

Deringan telefon menyentak Farhan kembali ke ruang menunggu hospital.

“Sudah? Okey, Abang tunggu di tempat biasa, di wad A&E.”

Dia mendukung anaknya menuju ke tempat letak kereta. Isterinya berjalan di sebelahnya. Keadaan di hospital, terutama di wad kecemasan tidak lagi menjadi sesuatu yang asing bagi mereka berdua. Ada orang duduk mengerang sakit, ada orang berjalan terengsot-engsot dan ada pula yang berlumuran darah.

“Kesukaran dunia ini semua kafarah. Penghapus dosa-dosa kecil,” kata Ustaz Rahim dalam kuliah subuh yang pernah dihidirinya di Masjid Abdul Ghafor. Namun begitu, anaknya bukan kafarah. Iman ialah amanah Tuhan, yang harus dijaga dengan baik walau dalam apa bentuk sekalipun. Iman dikurniakan kepada Farhan dan Siti Khadijah sebagai penglipur lara, punca kebahagiaan berumah tangga. Farhan dan Siti Khadijah amat yakin meskipun mereka sedar Iman dipinjamkan untuk sementara waktu.

Keadaan Iman amat menyayat hati Farhan. Iman baru sahaja mengecap kehidupan di dunia ini selama sepuluh bulan. Sepuluh bulan Iman sudah diduga dengan ujian-ujian yang boleh meruntuhkan iman seseorang. Tetapi Iman lebih kuat daripada Farhan. Farhan sentiasa membisikkan kata-kata semangat itu ke telinga Iman.

“Siapa kata Iman aku tidak kuat? Iman aku memang kuat,” Farhan menangkis kata-kata Hajah Maimun.

Farhan memandang wajah ayu isterinya. Isterinya menjadi pelembut hatinya. Isterinya yang selalu meruntuhkan segala bentuk kemarahan yang sentiasa wujud dalam dirinya. Namun, Farhan rasa agak terkilan kerana keadaan Iman yang membuat kehidupan isterinya merudum juga. Dia sedar semua ini merupakan kehendak yang Esa. Sekadar usaha dan memohon agar diberikan syafaat sahaja yang mampu dilakukan sekarang. Segala kata-kata Hajah Maimun meskipun pedas dan pahit untuk ditelan, secara ironinya telah memberinya kekuatan untuk terus berjuang.

Pintu wad dibuka oleh seseorang. Farhan tidak mampu mengangkat kepalanya yang tertunduk layu itu. Bunyi tapak kaki yang semakin

menghampirinya tidak diendahkan langsung. Dibiarkan sahaja sehingga kelihatan kaki seseorang berdiri di hadapannya.

“Encik Farhan. Saya ada berita baik untuk awak. Kami baru sahaja mendapatkan seorang penderma bagi pembedahan tulang sum-sum yang dicari-cari selama ini. Dengan pembedahan yang akan dijalankan secepat mungkin, kita boleh merubah kesan keadaan thalassaemic anak Encik Farhan.” Doktor Chua bersalaman dengan Farhan lantas pergi dari situ. Satu salaman yang benar-benar menggoncang seluruh nadi Farhan yang hampir tiada maya. Satu salaman yang mengesahkan satu tekad yang kuat yang akan diambil.

Doktor Chua menjelaskan lagi bahawa penderma tersebut mahu dia berjanji untuk merahsiakan identitinya sehinggalah dia masuk ke dalam bilik pembedahan. Farhan memandang wajah isterinya yang juga terpinga-pinga seperti percaya dan tidak percaya akan apa yang baru didengarinya.

Farhan membuka sampul yang diberikan oleh Doktor Chua dengan perlahan. Sekeping kad yang ditulis beberapa sebaris ayat yang amat menyentuh hati Farhan. Farhan mencapai kerusi yang berdekatan sambil beristighfar. Hampir Farhan gagal mencapai kerusi itu kerana lututnya seolah-olah seperti tidak dapat menampung tubuhnya lagi. Kandungan kad itu telah menghancurkan segala kemarahannya. Segala dendam kesumatnya. Segala kebenciannya telah lenyap dibawa angin dalam sesaat. Di dalam hatinya tiada dijangkakan bahawa manusia yang selama ini melontarkan kata-kata pedas dan kesat ialah orang yang akan memberikan satu harapan baharu kepadanya. Imannya kini lebih yakin kuat. Imannya akan terus kuat.

Farhan cuba membayangkan kembali apa yang berlaku awal tadi. Dia masih tidak dapat membuat kaitan dengan apa yang dihadapinya tadi dengan apa yang baru diterimanya ini.

Siti Khadijah yang duduk memerhatikan suaminya mendekati suaminya yang terduduk memandang jauh. Hairan sungguh dia memerhatikan gelagat suaminya yang berang-berang sejak tadi kini sudah berubah. Dicapainya kad hijau daripada tangan Faizal dan membacanya.

Ibu dengan ikhlas mendermakan sum-sum Ibu untuk Iman. Moga Iman kamu berdua akan menjadi kuat. Ibu pasti Iman akan menjadi seorang yang hebat satu hari nanti.

Salam sayang,

Hajah Maimun

Perbendaharaan Kata

- thalassemia - thalassemia ialah keadaan darah yang kekurangan daya untuk memproses hemoglobin. Hemoglobin ialah protein yang mengandungi zat besi di dalam sel darah merah yang mampu membawa oksigen ke seluruh badan.
- cabuk - rendah kedudukannya atau kurang dikenali (dihormati, disegani dan sebagainya)
- diagnosis - perbuatan mengenal pasti sesuatu penyakit daripada tanda dan gejalanya
- kafarah - penghapus / penutup dosa
- kalut - kacau-bilau, huru-hara
- mengongkong - mengenakan kongkong pada, memasung, membelenggu
- syafaat - kelebihan yang dikurniakan Allah kepada Rasulullah SAW untuk menolong umatnya di padang mahsyar kelak
- terkilan - terasa tidak senang hati, tersinggung perasaan
- terngiang-ngiang - terdengar-dengar (sesuatu yang telah didengar):
- tidak berbaloi - rugi
- tujahan - hasil menujah, tusukan

